

Penyerang siar aksi kejam secara langsung di Facebook

Kosmo 16/03/2019

M/S 02

KUALA LUMPUR - Klip video memaparkan seorang lelaki merakam aksinya melepaskan tembakan rambang ke arah sejumlah jemaah di dalam masjid di New Zealand semalam mendapati klip video itu dirakam menggunakan sebuah kamera yang dipasang pada topi keledar penyerang dan disiarkan secara langsung di akaun Facebook miliknya.

Berdasarkan rakaman berdurasi 17 minit itu, penyerang dikenali sebagai Brenton Tarrant pada awalnya kelihatan memandu sebuah kenderaan di sebatang jalan sebelum suspek berhenti berhampiran Masjid Al-Noor dekat Hagley Park, Christchurch pada pukul 1.40 petang (waktu tempatan).

Suspek kemudian mengeluarkan dua laras senjata api lalu menuju ke arah pintu masuk masjid dan melepaskan sembilan das tembakan ke arah tiga lelaki yang berada di laluan itu menggunakan raifal semi automatik.

Penyerang bagaikan dirasuk apabila terus melakukan serangan tanpa belas kasihan dengan menembak berpuluh-

puluh jemaah yang dipercayai sedang bersiap untuk menunaikan solat Jumaat.

Lebih menyayat hati apabila ada antara mangsa yang merangkak untuk menyelamatkan diri namun, ditembak dari jarak dekat sehingga terbaring kaku. Ada antara mereka berlindung di satu sudut masjid tetapi turut mengalami nasib sama.

Klip video yang tular itu kemudian mendapat perhatian warga net di negara ini yang mengutuk keras tragedi berdarah itu.

Rata-rata netizen mahu penjenayah terbabit mendapat hukuman sewajarnya malah ada yang menyifatkan serangan tragis berkenaan menyerupai permainan video online, *PlayerUnknown's Battle-grounds* (PUBG).

"Inilah wajah pengganas yang tembak orang Islam (dekat) masjid di New Zealand. Zalim woi. Dia buat macam main (permainan) PUBG," demikian status Idris Aman di Facebook miliknya semalam.

Seorang lagi warga net, Muhd Zahrin melalui status dikongsi di media sosial sama mengutuk pembunuhan ke atas

umat Islam di New Zealand.

"Ya Allah rupanya ada warga Malaysia yang menjadi mangsa serangan pengganas secara kejam di masjid (dekat) Christchurch pada waktu solat Jumaat. Kami kutuk pembunuhan umat Islam di New Zealand," katanya.



NITIZEN menyifatkan rakaman video ini sama seperti permainan video popular.

Sementara itu, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) mengingatkan orang ramai agar tidak berkongsi atau menyebarkan rakaman video berkenaan.